

▼09/06/20-45MST

CNS5108

U GB 09-06 00160 BA557

AAB

Mahathir - Britain

DR MAHATHIR TIDAK TAHU MENAHU KENYATAAN NEEDHAM

MUAR, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak tahu-menahu mengenai kemungkinan kerajaan menarik balik sekatan terhadap pemberian kontrak kerajaan kepada firma Britain dalam tempoh enam minggu seperti disebut Menteri Perdagangan Britain, Richard Needham.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Needham mengenai perkara itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mendapat sebarang maklumat mengenai perkara itu.

"Saya tidak tahu, mungkin dia dapat maklumat yang saya belum dapat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Perdana Barisan Nasional Johor di Dewan Jubli Tatan, di sini.

Semalam Needham dilaporkan sebagai berkata bahawa sebarang keputusan mengenai perkara itu berkemungkinan besar diambil dalam masa satu hingga enam minggu lagi.

Needham, yang mengadakan lawatan rasmi empat hari mulai Sabtu lepas berkata, Britain berkemungkinan tertekan untuk mengambil tindakan balas terhadap Malaysia jika pengharaman pemberian kontrak kerajaan terhadap firma Britain berterusan. -- Lagi.

▼09/06/18-10MST

CNS5117

U GB 09-06 00098 BA558

AAB

Mahathir - Britain 2 (Akhir) Muar

Ketika diminta mengulas mengenai pandangan Needham itu, Dr Mahathir berkata, ia merupakan masalah dalaman di Britain.

"Itu dia punya masalah dapat tekanan. Kita pun dapat tekanan. Dalam mana-mana kerajaan mesti ada tekanan," kata Pengerusi BN itu.

Malaysia bertindak memberhentikan pemberian kontrak baru sejak Februari lepas sebagai membantah laporan media Britain, yang membuat pelbagai tuduhan melulu terhadap para pemimpin Malaysia.

Keputusan Jemaah Menteri itu, yang berkuatkuasa pada 23 Feb lepas menyebabkan firma-firma Britain kerugian beribu juta ringgit. -- Bernama.

JQ OM KAM.

▼09/06/18-14MST